

## UMS agih zakat, bantuan kewangan kepada 220 mahasiswa B40 dan asnaf

UB 24.04.2022 P.08

Oleh Yap Slong Han

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengagihkan zakat dan bantuan kewangan kepada 220 orang mahasiswa B40 dan golongan asnaf.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Chm. Ts. Dr. Taufik Yap Yun Hin berkata, daripada jumlah tersebut, 100 orang siswa-siswi dan 30 kakitangan menerima sumbangan zakat daripada Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) berjumlah RM38,000.

“Tabung Haji turut memberi sumbangan kewangan berjumlah RM45,000 kepada 90 orang pelajar.

“Universiti berharap bantuan ini dapat mengurangkan beban para pelajar khususnya dalam menghadapi pelajaran dan keperluan hidup di dalam kampus, seterusnya melalui pengajian dengan lebih baik,” katanya semasa Majlis Iftar Perdana UMS Tahun 2022.

Beliau turut menyatakan pihak universiti akan sedaya upaya membantu para pelajar dan kakitangan yang berada dalam kesukaran.\*



**SAKSIKAN:** Taufik (tengah) menyaksikan penyerahan cek cura sumbangan zakat daripada MUIS kepada UMS.